

# ASPIRASI FPP

FAKULTI PENGURUSAN DAN PERNIAGAAN, UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, KAMPUS SEREMBAN  
ISSN 2735-0525

EDISI 1, 2024

## REKABENTUK DALAMAN

*Pengaruh Psikologi Pelanggan*

Kejayaan Media Sosial Dalam Industri  
Perniagaan:  
Konteks Perniagaan Viral Menuju Era IR4.0

Pengubahan Wang & Pengelakan Cukai:  
Kesan Terhadap Ekonomi, Sosial dan Politik

**PASCA PANDEMIK:**  
*10 Idea Trending*  
*Perniagaan Kecil di Malaysia*

**SYAQIST**

**PENERAJU**

**CADAR PATCHWORK  
PREMIUM**

**TEKNOLOGI DALAM PERNIAGAAN**  
**RAHMAT ATAU SUMPAHAN?**

## ASPIRASI

# SYAQIST

## PENERAJU CADAR PATCHWORK EKSKLUSIF

*Nurhanani Aflizan Mohamad Rusli  
Hafisah Yaakob  
Dr Jamilah Mohd Mahyideen  
Dr Wan Normila Mohamad*



SyaQist merupakan perniagaan berasaskan kain perca (patchwork) seperti cadar dan barang keperluan rumah.

Pengasas SyaQist ialah Puan Faizah Kamarudin dan suaminya, pada tahun 2013.. Beliau berasal dari Pahang, berusia 41 tahun serta mempunyai empat orang cahaya mata.

Dengan kecekalan dan kesungguhan dalam perniagaan, SyaQist telah berkembang dengan begitu baik di mana terdapat lebih 5000 ejen seluruh negara, tiga outlet kendalian ejen dan satu warehouse (gudang). Kesemua ini dibangunkan untuk memberi pengguna pilihan cadar yang eksklusif, elegan dan selesa.

Produk utama keluaran SyaQist ialah cadar pelbagai saiz katil dengan pelbagai pilihan corak. Cadar yang dikeluarkan adalah sesuai untuk kegunaan harian mahupun untuk majlis perkahwinan. Didatangkan dalam 3 saiz, iaitu "super king", "super queen" dan "super single", produk SyaQist mampu menjadikan ruang bilik tidur nampak cantik dan elegan.



### Pendidikan dan Pengalaman

Puan Faizah merupakan graduan *Ijazah Sarjana Muda Pembangunan dan Pengurusan Sumber Manusia, Universiti Teknologi Malaysia (UTM)*.

Beliau juga mempunyai pengalaman bekerja sebagai Penolong Pegawai Sumber Manusia dan Pengurus Bahagian Sumber Manusia selama 8 tahun di syarikat swasta sebelum menceburi bidang keusahawanan.

Hakikatnya, pengalaman pekerjaan sebelum ini berperanan penting dalam perkembangan peribadi dan profesional seseorang. Pengalaman ini merupakan aset berharga kepada Puan Faizah dalam meningkatkan kebolehan dan kredibilitinya di samping dapat membuka peluang untuk perkembangan kerjaya yang lebih meluas.

## Pengalaman Manis dan Kejayaan



Kejayaan dalam perniagaan bukan sahaja memberi kepuasan peribadi kepada beliau tetapi juga membina reputasi dan kedudukan perniagaan di pasaran.

Kejayaan SyaQist mencatat jualan RM 2 juta ketika tempoh PKP sewaktu pandemik beberapa tahun lalu merupakan suatu pencapaian yang sangat memberangsangkan, walaupun ketika itu negara dilanda musibah besar.

Bagi Puan Faizah, kejayaan menyelesaikan baki pinjaman PTPTN lebih awal serta membeli aset rumah dan tanah secara tunai adalah merupakan kejayaan peribadi yang memberikan kepuasan dalam mencapai kestabilan kewangan.



## Sumbangan kepada Masyarakat

Khidmat kepada masyarakat adalah aspek penting dalam menjalankan perniagaan yang bertanggungjawab dan beretika.

Antara aktiviti amal dan projek komuniti yang dijalankan oleh SyaQist antaranya sumbangan kepada mangsa banjir dan memberi peluang perniagaan kepada ibu tunggal.

Memberi peluang perniagaan kepada ibu tunggal adalah inisiatif yang tidak hanya memberi manfaat kepada individu tersebut tetapi juga kepada komuniti secara keseluruhan. Ini adalah cara yang berkesan untuk menggalakkan keusahawanan, kemerdekaan kewangan, dan kesejahteraan masyarakat.



## Pegangan Hidup

*Orang lain hanya boleh beri inspirasi pada kita namun motivasi perlu datang dari dalam diri sendiri*